

JKDM sasar kutipan hasil RM67.25 bilion tahun ini

PUTRAJAYA: Kementerian Keuangan (MOF) menyasarkan kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebanyak RM67.25 bilion bagi tahun ini.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, bermula awal tahun ini, JKDM telah menggerakkan seluruh jentera dalam memastikan sasaran kutipan hasil dapat dicapai.

“Sebagaimana kejayaan yang telah dicapai pada tahun lalu, saya yakin dan percaya kita mampu mengulangi kejayaan bagi tahun 2025 ini,” katanya berucap sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia Kali Ke-43 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

Pada 9 Januari lalu, media melaporkan JKDM merekodkan kutipan hasil tertinggi sebanyak RM65.67 bilion pada 2024, iaitu peningkatan 18.85 peratus berbanding RM55.17 bilion tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Anis Rizana berkata, sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menguatkuasakan un-



ANIS Rizana Mohd Zainudin berucap pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

dang-undang, JKDM juga telah berjaya menggagalkan sebanyak 7,215 kes cubaan penyeludupan sepanjang 2024 dengan nilai rampasan dan cukai terkorban mencecah RM1.64 bilion.

Jelasnya, sebagai perbandingan pada tahun 2023, jumlah nilai rampasan dan cukai terkorban hanya berjumlah RM884.27 juta sekali gus menunjukkan peningkatan yang

signifikan sebanyak RM759.75 juta atau 85.92 peratus.

“Sebagai rekod, pada 23 Ogos tahun lalu, kejayaan yang besar telah dicapai oleh JKDM melibatkan rampasan sebanyak 17 buah kontena dengan muatan komoditi rokok sejumlah RM150.26 juta batang dan 30 tan tembakau serta 35.13 tan sisa plastik bernilai RM118.16 juta,” katanya.